



PELAJAR turut melawat kilang industri kerepek yang diusahakan penduduk kampung Sungai Kelambu.

## Pelajar USIM berbakti di Kampung Sungai Kelambu

**P**ENGALAMAN menjadi anak angkat penduduk Kampung Sungai Kelambu, Banting, Selangor, baru-baru ini, sukar dilupakan 40 pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti al-Quran dan Sunnah Darul Quran/ Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Selama tiga hari berkampung, kegiatan diatur begitu padat. Pelajar ditempatkan di rumah keluarga angkat, melakukan aktiviti gotong-royong, bermain bola, menganjur kelas al-Quran kepada penduduk dan meraikan Hari Ibu dalam satu acara khas yang turut disertai belia kampung itu.

Program Berbakti Kepada Masyarakat anjuran Rakan Muda Daerah Kuala Langat bersama Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), adalah aktiviti pertama disertai pelajar perintis program Ijazah Darul Quran bersama USIM.

Program itu di bawah bimbingan Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM, Shahrulkarnain Mohd Nazir dan Wan Ahmad Ikram Wan Mohamed.

Ketua Penyelaras program, Muhammad Hilmi Abu Bakar, berkata 20 keluarga terbabit dalam program penyerahan anak angkat, kebanyakan mereka adalah petani.

"Masyarakat kampung ini majoritinya keturunan Jawa. Perbezaan budaya terutama dari segi bahasa dan cara hidup sudah pasti suatu pengalaman yang sangat menarik untuk kami hayati terutama kepada pelajar yang berasal di luar Selangor," katanya.

Beliau berkata, selepas penyerahan kepada keluarga angkat masing-

masing, peserta dibawa berjalan-jalan melihat sekitar kampung. Sikap keluarga angkat yang sangat mesra menyebabkan peserta berasa bagai berada dalam keluarga sendiri.

"Selepas Maghrib, kami mengadakan program ilmiah, forum perdana yang ahli panelnya terdiri daripada wakil JAKIM dan imam masjid Kampung Sungai Kelambu," katanya.

Pada hari kedua, peserta menyertai majlis gotong-royong membersihkan seluruh kawasan masjid dan klinik desa kampung itu. Program itu mengeratkan hubungan dengan penduduk setempat dan ahli jawatankuasa masjid juga dengan jururawat masyarakat di situ.

Seorang peserta, Mohd Zulkifli Makhtar, 22, berasal dari Kelantan begitu teruja melakukan kerja kampung seperti mencabut ubi kayu untuk dijadikan kerepek.

Ketika melawat kilang Jaez Sdn Bhd, yang mengusahakan kerepek, Zulkifli tidak segan membantu memasukkan kerepek ke dalam plastik.

"Sebagai anak peneroka, saya sudah biasa hidup susah dan tidak kekok melakukan kerja membungkus kerepek," katanya sambil ketawa.

Zulkifli juga antara fasilitator yang berjaya memikat kanak-kanak ketika mengadakan bengkel motivasi.

Rakannya, Mohd Azrul Ali, berasal dari Terengganu sudah pandai makan tempa selepas tiga hari tinggal dengan keluarga angkat.

"Keluarga angkat melayan saya dengan baik. Saya pun dah pandai bercakap Jawa," katanya.

Selain melawat kilang, pelajar juga mengadakan klinik al-Fatihah untuk memper-

bacaan al-Fatihah dari segi sebutan huruf dan tajwid, di samping mengadakan program motivasi untuk pelajar sekolah rendah di kampung itu.

"Program ini dapat membantu penduduk kampung membaca surah al-Fatihah dengan baik dan juga memperkakan motivasi kepada anak-anak penduduk kampung ini," katanya.

Pada sebelah malam, sambutan diteruskan dengan penganjuran sambutan Hari Ibu, Malam Kebudayaan dan Kesenian Islam dengan mengadakan pertandingan azan, sajak dan nasyid. Selain itu, persembahan dikir barat turut diadakan bagi menghiburkan penduduk kampung.

Muhamad Hilmi berkata, pada hari terakhir, program sukaneka bersama seluruh masyarakat kampung diadakan.

"Pada masa sama penduduk kampung mengadakan kenduri khas. Kami sungguh terharu kerana kenduri bukan saja diadakan penduduk kampung tetapi yang lebih memeranjatkan kami ialah golongan lelaki yang memasak untuk kami. 'Rewang' ini diadakan bagi menjamu kami sebelum pulang ke kampus. Selepas menunaikan solat Asar kami diserahkan kembali kepada Darul Quran oleh keluarga angkat.

"Inilah saat yang menyentuh hati pelajar kerana sukar untuk berpisah dengan penduduk yang dianggap saudara sendiri. Walaupun program sudah berakhir, mereka bertekad untuk kembali melawat Kampung Sungai Kelambu, bila ada kelapangan," katanya.